KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

HRD CORP
HUMAN RESOURCE DEVELOPMENT CORPORATION

Ref. No. : (20) PSMB/20/8 Kulit 8
Date : 30 July 2021

# EMPLOYERS' CIRCULAR NO. 7/2021

## IMPLEMENTATION OF 'PROGRAM VAKSINASI TENAGA KERJA NASIONAL' (PROTEK) BY HUMAN RESOURCE DEVELOPMENT CORPORATION

---

## 1.0 PURPOSE

The purpose of the circular is to inform all employers registered with the Human Resource Development Corporation (HRD Corp), therein referred to as registered employers, about the implementation of 'Program Vaksinasi Tenaga Kerja Nasional' (PROTEK). This initiative was developed by HRD Corp to encourage registered employers to ensure that all their employees are vaccinated.

## 2.0 BACKGROUND

2.1 The honorable Prime Minister during his speech on the Pakej Perlindungan Rakyat Dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) announced incentive for the companies and industries to accelarate immunisation for their employees.

2.2 HRD Corp has engaged with relevant stakeholders and employers' associations and received positive feedback on this initiative.

## 3.0 TERMS AND CONDITIONS

This initiative will be done based on the following terms and conditions:

### 3.1 EMPLOYERS ELIGIBILITY

a. The criteria and eligibility of registered employers will be determined as follows: -

| COMPANY SIZE | LEVY BALANCE AVAILABLE AT THE TIME OF FIRST SUBMISSION | PERCENTAGE (%) CLAIM ELIGIBILITY |
|---|---|---|
| SMALL: Number of employees 5 to <75 | ≤ RM50,000 | Maximum 70% from the Levy Balance |
| | RM50,001 to RM100,000 | Maximum 50% from the Levy Balance |
| | > RM100,000 | Maximum 30% from the Levy Balance |
| MEDIUM: Number of employees 75 to ≤ 200 | ≤ RM100,000 | Maximum 50% from the Levy Balance |
| | RM100,001 to RM250,000 | Maximum 40% from the Levy Balance |
| | > RM250,000 | Maximum 30% from the Levy Balance |
| LARGE: Number of employees > 200 | ≤ RM1,000,000 | Maximum 30% from the Levy Balance |
| | RM1,000,001 to RM2,500,000 | Maximum 20% from the Levy Balance |
| | > RM2,500,000 | Maximum 10% from the Levy Balance |

b. For the purpose of this initiative only, the coverage of employees includes both Malaysian employees and foreign employees working with the employer.

### 3.2 CLAIM MECHANISM

The registered employers are allowed to claim from the levy balance based on the two (2) mechanisms outlined below:

i. **Vaccination via HRD Corp**

   a. Registered employers are required to register their interest to vaccinate their employees via HRD Corp's platform and provide the list of employees eligible for vaccination.

Employers can register their interest for vaccination at https://protek.hrdcorp.gov.my. More details and information can also be obtained from this website.

b. Registered employers can also authorise HRD Corp to deduct the cost of vaccination from their levy based on the eligibility stated under clause 3.1.

c. Employers will be notified about the vaccination details for their employees within fourteen (14) working days of successful payment.

d. HRD Corp will notify the participating employer(s) the vaccination location based on below four (4) options:

   1. On-site vaccination
   2. Participating private vaccination clinics/primary care facilities
   3. Mobile vaccination centres
   4. HRD Corp's Vaccination Centre

e. In the event of insufficient levy balance, the employer is unable to claim from the levy fully. In such case, the employer may submit the levy claim based on available balance and submit a separate application for the differences via cash option. Payment details and options will be included in the invoice.

f. The cost of vaccination is RM125 per employee for 2 doses.

ii. **Request for Reimbursement**

a. Employers may request for reimbursement of the vaccination and/or PPV cost that they have incurred on or after **29 June 2021,** subject to the eligibility outlined in clause 3.1 above.

b. Employers may submit the claim to HRD Corp starting from **15 August 2021**. All claims must be submitted within **three (3) months** from the date of second dose completed.

c. Registered employers are to authorise HRD Corp to deduct the cost of vaccination and/or PPV from their levy.

d. The reimbursement amount is subjected to four percent (4%) service fee on the total amount approved. The approved Claim amount will be reimbursed to the registered employers and the service fee will be deducted as an additional amount from the levy.

e. Employers are required to submit the following documents during the claim submission:

    1. Invoice and payment receipt/proof of payment of the vaccination.
    2. HRD Corp Claim Form for PROTEK which is duly signed by authorized signatory (manager and above) with company rubber stamp.
    3. HRD Corp may request for additional documents for verification and/or confirmation purposes, if required.

**5. IMPLEMENTATION DATE**

5.1 This circular will be effective from 29/06/2021.

**6. CLOSING**

6.1 For further clarification and assistant, kindly contact our Call Centre at 03 - 8602 9280, or email at proteksupport@hrdcorp.gov.my.

Thank you.

**'Delivering Quality, Developing Excellence'**
**'Pembudayaan Norma Baharu dalam Dunia Pekerjaan Sejagat'**



**DATUK SHAHUL DAWOOD**
Chief Executive
Human Resource Development Corporation

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

HRD CORP HUMAN RESOURCE DEVELOPMENT CORPORATION

# Soalan Lazim (FAQ)

PROTEK

PROGRAM VAKSINASI TENAGA KERJA NASIONAL

---

**1. Apa itu PROTEK?**

Program Vaksinasi Tenaga Kerja Nasional (PROTEK) ialah program vaksinasi COVID-19 untuk majikan di seluruh Malaysia, yang diterajui oleh Kementerian Sumber Manusia dan dilaksanakan oleh Human Resource Development Corporation (HRD Corp). Ia diwujudkan untuk membantu majikan yang berdaftar dengan HRD Corp dan juga majikan di seluruh Malaysia dalam usaha mempercepatkan vaksinasi kepada pekerja mereka.

Program ini adalah sebahagian daripada inisiatif Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) yang telah diumumkan oleh Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Tan Sri Muhyiddin Yassin pada 28 Jun 2021.

**2. Mengapakah HRD Corp melaksanakan PROTEK?**

Program awam-swasta ini bertujuan untuk melengkapkan dan mempercepatkan usaha vaksinasi awam kerajaan dengan memberikan pilihan lain yang efektif dan pantas kepada syarikat-syarikat agar dapat mempercepatkan proses vaksinasi pekerja mereka.

Ia juga merupakan sebahagian daripada usaha HRD Corp untuk menyokong ekonomi barisan hadapan dan industri utama seperti sektor perkhidmatan, pembuatan serta perlombongan dan penggalian dalam menjaga keselamatan dan kesihatan pekerja mereka sambil meneruskan perniagaan mereka.

**3. Siapakah yang boleh memohon PROTEK?**

Program ini terbuka kepada kesemua majikan yang berdaftar dengan HRD Corp dan juga kepada majikan yang berdaftar dan beroperasi di Malaysia.

# Soalan Lazim (FAQ)

**4. Bagaimakah PROTEK dilaksanakan?**

PROTEK akan dilaksanakan berdasarkan empat (4) model:

i. Vaksinasi di premis kilang/syarikat (on-site)
ii. Klinik vaksinasi swasta/fasiliti penjagaan primer yang mengambil bahagian
iii. Pusat vaksinasi bergerak
iv. Pusat Vaksinasi HRD Corp

**5. Bolehkah majikan memilih antara empat (4) model tersebut? Apakah kriteria pemilihannya?**

Tidak. HRD Corp akan menentukan pilihan model yang terbaik untuk majikan berdasarkan lokasi majikan dan bilangan pekerja untuk divaksin seperti berikut:

| Model | | Kriteria |
|---|---|---|
| Model 1: | Klinik vaksinasi swasta/fasiliti penjagaan primer terdekat yang mengambil bahagian | Majikan dengan 10 hingga 100 kakitangan |
| Model 2: | Pusat vaksinasi bergerak | Majikan dengan 100 hingga 500 kakitangan |
| Model 3: | Pusat Vaksinasi HRD Corp | Majikan dengan 500 hingga 1,000 kakitangan |
| Model 4: | Vaksinasi di premis kilang/syarikat (on-site) | Majikan dengan 1,000 kakitangan |

**6. Bagaimanakah cara untuk memohon PROTEK?**

Majikan boleh memohon di laman web https://protek.hrdcorp.gov.my.

# Soalan Lazim (FAQ)

**7. Bagaimana prosesnya dan berapa lama masa yang akan diambil?**

i. Majikan boleh menghantar permohonan mereka di https://protek.hrdcorp.gov.my bersama maklumat syarikat dan jumlah pekerja yang perlu divaksin.

ii. Selepas itu, mereka perlu menghantar senarai muktamad yang mengandungi maklumat pekerja untuk tujuan pengesahan.

iii. Majikan bertanggungjawab untuk menyemak senarai pekerja dan memastikan maklumat pekerja adalah tepat. Majikan juga perlu memastikan untuk **tidak memasukkan pekerja yang dilarang** ke dalam senarai permohonan PROTEK seperti di bawah:
   a. Pekerja yang telah mendapat tarikh vaksinasi di bawah Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan yang telah disahkan melalui aplikasi MySejahtera mereka.
   b. Pekerja yang telah lengkap dos pertama di bawah Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan dan sedang menunggu dos kedua atau tarikh vaksinasi di bawah program tersebut.
   c. Pekerja yang tidak mempunyai akaun MySejahtera.
   d. Pekerja dengan keadaan kesihatan yang berada pada kategori berisiko tinggi.
   e. Pekerja di bawah 18 tahun.

iv. HRD Corp akan memaklumkan status permohonan bersama jumlah pekerja yang diluluskan dan invois tertera jumlah vaksin yang akan diberikan akan turut diserahkan kepada majikan.

v. Majikan yang membuat pembayaran sendiri perlu menjelaskan bayaran penuh untuk vaksin tersebut dan menghantar bukti pembayaran kepada HRD Corp.

vi. Setelah pembayaran disahkan, majikan akan menerima tarikh, waktu dan lokasi vaksinasi.

vii. Majikan kemudian perlu membuat persiapan untuk pelaksanaan vaksinasi tersebut. Ini termasuklah menyediakan tempat yang bersesuaian di premis mereka atau membuat susunan logistik untuk menghantar pekerja ke pusat vaksinasi yang telah ditentukan.

viii. Setelah selesai vaksinasi, pekerja akan diberi sijil vaksinasi dan maklumat tersebut akan dikemaskinikan dalam aplikasi MySejahtera mereka.

# Soalan Lazim (FAQ)

---

**8. Berapa lamakah masa yang diambil bagi proses antara pendaftaran pertama majikan dengan pemakluman vaksinasi?**

Majikan akan menerima makluman berkenaan perincian proses vaksinasi pekerja mereka dalam masa 15 hari waktu bekerja selepas bayaran dibuat.

**9. Apakah vaksin yang digunakan di bawah PROTEK dan adakah majikan boleh memilih jenis vaksin?**

PROTEK menggunakan Sinovac-CoronaVac (Sinovac). Tiada pemilihan vaksin disediakan.

**10. Berapa banyak dos yang diperlukan atau yang akan diuruskan?**

Vaksin Sinovac akan diberikan sebanyak dua (2) dos dengan jarak masa 21 hari.

**11. Berapakah caj vaksinasi di bawah PROTEK?**

Caj yang dikenakan adalah berjumlah RM125 untuk setiap pekerja. Caj ini meliputi:

- 2 dos vaksin
- Pakar kesihatan yang akan menguruskan vaksin tersebut yang dilantik oleh HRD Corp dan diluluskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia serta bekalan dan keperluan perubatan untuk menguruskan vaksin.

Untuk makluman, caj ini tidak termasuk kos logistik dan penyediaan untuk menguruskan vaksin atau pengangkutan untuk menghantar pekerja ke pusat vaksinasi. Kos tersebut perlu ditanggung majikan.

# Soalan Lazim (FAQ)

**12. Bagaimanakah pembayaran vaksin dapat dilakukan oleh majikan?**

Majikan perlu membuat pembayaran penuh sebaik sahaja menerima invois bagi memperoleh tarikh, waktu dan lokasi program vaksinasi mereka.

Pembayaran boleh dibuat berdasarkan keterangan berikut:

**A) <u>Majikan berdaftar HRD Corp</u>**

Majikan yang berdaftar dengan HRD Corp boleh memilih sama ada untuk menggunakan baki levi sedia ada ataupun membuat pembayaran sendiri terus ke HRD Corp.

Kesemua bayaran hendaklah dibuat kepada **Pembangunan Sumber Manusia Berhad**. Maklumat pembayaran secara perbankan dalam talian akan dikongsikan kemudian.

Majikan yang mempunyai tunggakan pembayaran bulanan tidak boleh menggunakan levi untuk kos program vaksinasi ini. Bagaimanapun, mereka boleh menyertai program ini dengan membuat pembayaran sendiri kepada HRD Corp melalui pemindahan bank atau kaedah lain yang akan ditentukan kelak.

**B) <u>Majikan yang lain (tidak berdaftar dengan HRD Corp)</u>**

Majikan yang tidak berdaftar dengan HRD Corp boleh membuat pembayaran melalui pemindahan bank atau kaedah yang akan ditentukan kelak atau selepas pengesahan.

**13. Bilakah syarikat saya boleh memohon PROTEK? Adakah terdapat tarikh tutup permohonan?**

Pendaftaran akan bermula pada **1 Ogos 2021** sehingga tarikh yang akan diberitahu kemudian. PROTEK akan berlangsung selama enam (6) bulan atau bergantung kepada bekalan vaksin.

# Soalan Lazim (FAQ)

**14. Adakah syarikat perlu berdaftar dengan HRD Corp terlebih dahulu untuk layak memohon PROTEK?**

Tidak. Kesemua majikan adalah layak menyertai PROTEK

**15. Bolehkah majikan yang berdaftar dengan HRD Corp yang tidak mempunyai baki levi mencukupi menyertai PROTEK?**

Ya. Majikan berdaftar yang tidak mempunyai baki levi yang cukup boleh memilih untuk membuat pembayaran sendiri.

Mereka juga boleh menggunakan levi yang sedia ada manakala baki selebihnya ditambah secara bayaran melalui pemindahan bank atau kaedah yang akan ditentukan kelak.

**16. Bolehkah majikan berdaftar HRD Corp menuntut pembayaran balik daripada baki levi sedia ada sekiranya telah mendaftar dan melengkapkan vaksinasi pekerja menerusi inisiatif lain?**

Boleh. Bagaimanapun, hanya majikan yang telah mendaftar selepas dan pada 29 Jun 2021 dalam mana-mana inisiatif lain sahaja yang dibenarkan membuat tuntutan pembayaran balik menggunakan baki levi. Pembayaran balik adalah tertakluk kepada baki levi yang ada dengan 4% caj perkhidmatan untuk keseluruhan tuntutan.

Sila rujuk Pekeliling Majikan Bil. (20) PSMB/20/8 Kulit 8 untuk kriteria kelayakan.

**17. Adakah majikan perlu memenuhi kriteria jumlah minimum atau maksimum program ini?**

Majikan perlu mempunyai jumlah minimum pekerja seramai sepuluh (10) orang untuk layak memohon PROTEK. Tiada had maksimum pekerja yang diperlukan. Bagaimanapun, sekiranya majikan mempunyai 1,000 pekerja dan ke atas, mereka akan diberi kemudahan untuk menjalankan vaksinasi di lokasi premis masing-masing.

# Soalan Lazim (FAQ)

**18. Bolehkah majikan mendaftarkan pekerja asing di bawah PROTEK?**

Ya. Majikan boleh mendaftarkan pekerja asing mereka untuk mengambil vaksin di bawah PROTEK.

**19. Bolehkah majikan berdaftar HRD Corp menggunakan levi untuk pekerja asing di bawah PROTEK?**

Majikan boleh menggunakan levi untuk pekerja asing.

**20. Bolehkah majikan mendaftarkan sekali ahli keluarga pekerja di dalam permohonan?**

Tidak, inisiatif ini adalah untuk pekerja syarikat tersebut sahaja dan tidak menanggung keluarga mereka atau kenalan rapat.

**21. Siapakah yang akan menguruskan vaksin di bawah PROTEK?**

PROTEK menyediakan petugas kesihatan profesional yang berpengalaman serta berkelayakan untuk memberi vaksin.

# Soalan Lazim (FAQ)

---

**22. Bagaimanakah majikan akan dimaklumkan sekiranya permohonan mereka telah diluluskan dan apakah persediaan yang perlu dilakukan sebelum vaksinasi?**

Majikan akan diberitahu melalui SMS dan emel sekiranya permohonan mereka telah diluluskan dan pembayaran telah diterima (di nombor serta alamat emel yang diberikan majikan semasa proses pendaftaran).

Pekerja mereka juga akan mendapat maklumat tentang tarikh, masa dan lokasi vaksinasi melalui SMS dan emel. Jika pekerja tidak mempunyai nombor telefon atau emel, bahagian Sumber Manusia syarikat tersebut hendaklah memaklumkan pekerja-pekerja mereka dengan sewajarnya.

Untuk majikan yang bakal menjalankan vaksinasi on-site, wakil HRD Corp akan mengadakan lawatan sehari sebelum program vaksinasi dan memberikan panduan terhadap susunan serta keperluan lain.

**23. Apakah yang akan berlaku kepada permohonan pekerja di bawah MySejahtera jika mereka mempunyai temu janji sebelumnya atau berdaftar di bawah PIKAS atau inisiatif yang lain?**

Majikan perlu memastikan semua pekerja yang didaftarkan untuk PROTEK mempunyai akaun MySejahtera. Hanya pekerja yang mempunyai akaun MySejahtera sahaja yang layak untuk menyertai PROTEK.

Untuk mengelakkan sebarang duplikasi, pekerja yang telah lengkap dos pertama atau mempunyai tarikh vaksinasi yang akan datang untuk dos pertama atau kedua di bawah Program Imunisasi COVID-19 Nasional, seperti yang dinyatakan dalam MySejahtera mereka tidak akan dipertimbangkan untuk vaksinasi di bawah PROTEK.

HRD Corp tidak akan membuat semakan atas permohonan vaksinasi majikan yang belum selesai di bawah PIKAS, SELangkah atau inisiatif vaksinasi lain. Majikan bertanggungjawab untuk memastikan bahawa senarai nama pekerja yang diberikan kepada HRD Corp adalah lengkap dan penuh. Majikan juga perlu memastikan bahawa mereka tidak membuat dan menunggu permohonan untuk pelbagai program vaksinasi pekerja lain di pasaran. Ini

# Soalan Lazim (FAQ)

kerana, permohonan adalah muktamad dan majikan adalah terikat dengan terma dan syarat PROTEK selepas pembayaran dibuat.

**24. Adakah pekerja yang berdaftar di bawah PROTEK akan menerima e-sijil selepas lengkap divaksinasi?**

Pekerja akan mendapat kad fizikal dan e-sijil sebaik sahaja vaksinasi mereka telah lengkap. Mereka juga boleh mengemas kini aplikasi MySejahtera dan mendapat e-sijil mereka melalui aplikasi tersebut.

**25. Di manakah majikan boleh mendapatkan maklumat dengan lebih lanjut?**

Majikan boleh berhubung dengan bahagian sokongan HRD Corp PROTEK seperti yang tertera:

- **Pusat Panggilan : 03 8602 9280**
- **Emel: proteksupport@hrdcorp.gov.my**

| Hari | Waktu Operasi | Rehat |
|---|---|---|
| Isnin - Khamis | 8.30 PG – 5.30 PTG | 1.00 PTG – 2.00 PTG |
| Jumaat | | 12.15 TGH – 2.45 PTG |
| Sabtu - Ahad | Tutup | |

Majikan juga boleh mendapatkan maklumat terkini berkenaan PROTEK di saluran tertera:

- Maklumat lanjut PROTEK : https://hrdcorp.gov.my/ms/protek-2/
- Permohonan PROTEK : https://protek.hrdcorp.gov.my/
- Notifikasi di saluran media sosial rasmi HRD Corp:
  - Facebook : HRD Corp - Human Resource Development Corporation
  - Instagram : @hrdcorp
  - LinkedIn : HRD Corp - Human Resource Development Corporation
  - Twitter : @hrdcorp